

BAB I

Pengenalan

A. Kemunculan Kelas Menengah Melayu

Disertasi ini akan menganalisa golongan kelas menengah Melayu kini dari aspek proses sosiopolitik dan budaya politik mereka. Sebelum meneliti aspek-aspek tersebut adalah wajar kita mengetahui sejarah kemunculan kelas menengah Melayu dalam masyarakat Melayu khususnya dan negara ini amnya.

Dizaman kerajaan Melayu tradisional, hanya terdapat dua kelas dalam susunlapis masyarakat Melayu iaitu kelas raja dan kelas rakyat. William R. Roff dalam kajian beliau mengenai nasionalisma Melayu menyatakan bahawa masyarakat Melayu terbahagi kepada dua kumpulan sosial utama iaitu kelas pemerintah dan kelas rakyat. Perbezaan antara keduanya adalah berdasarkan keturunan dan diperkukuhkan oleh adat dan kepercayaan.¹

Sistem politik masyarakat Melayu tradisional adalah 'simple' sahaja sifatnya. Contohnya kerajaan Melayu Melaka - di puncaknya terdapat Sultan Melaka diikuti oleh pembesar-pembesar yang kadang-kadang ada pertalian keluarga dengan sultan dan akhirnya rakyat jelata. Dapat dikatakan sultan Melaka, pembesar

¹William R. Roff, The Origin of Malay Nationalism (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967), m.s. 4.

dan keluarga semuanya merupakan lapisan atasan. Kedudukan mereka ditentukan oleh asas-asas tradisional. Merekalah pemimpin dan kepada merekalah tertumpunya kekuasaan politik, ekonomi dan ketenteraan.² Pada masa itu pembesar-pembesar walaupun mereka bertugas sebagai pemimpin dalam lapangan atau kawasan mereka sendiri tetapi juga sebagai perantaraan bagi sultan dengan rakyat.

Golongan pertengahan dalam masyarakat Melayu tradisional adalah lapisan yang tidak wujud. Menurut A.C. Milner, satu ciri yang menonjol di Tanah Melayu dalam abad kelima belas ialah ketiadaan saudagar dan orang kaya Melayu walaupun Melaka pada masa itu adalah pelabuhan perdagangan yang penting. Semua urusan perdagangan berada dalam tangan saudagar-saudagar India, Arab dan kemudiannya Cina. Menurut beliau, faktor yang menyebabkan ketiadaan saudagar dan orang kaya Melayu adalah sikap sultan dan raja-raja Melayu pada masa itu. Orang Melayu yang kaya dan berharta kerap menjadi mangsa raja-raja. Bukan sahaja mereka mendapat kemurkaan raja tetapi juga harta mereka akan dirampas oleh raja. Orang Melayu yang kaya sentiasa berada dalam bahaya kerana masyarakat Melayu pada masa itu mengkaitkan kekayaan dengan kuasa politik. Sultan bukan hanya setakat menambah harta mereka tetapi juga menyekat pengumpulan harta dan kekayaan oleh mana-mana rakyatnya. Sultan selalu menegaskan bahawa mereka melindungi rakyat dan menentukan rakyat mereka dapat 'mencari makan',³

² Ibid, m.s. 4-11.

³ A.C. Milner, Kerajaan - Malay Political Culture On The Eve Of Colonial Rule (Tucson, Arizona: The University of Arizona Press, 1982), m.s. 20-28.

Kemunculan kelas menengah Melayu bermula dengan penjajahan British di Tanah Melayu. Pada mulanya Perkhidmatan Awam Melaya (MCS) dibataskan hanya kepada rakyat keturunan Inggeris sahaja. Apabila urusan pentadbiran bertambah banyak dan kompleks, maka pegawai-pegawai Inggeris tidak mencukupi. Kolej Melayu Kuala Kangsar kemudiannya ditubuhkan pada tahun 1905 khusus untuk mendidik dan memberi latihan kepada bakal-bakal pegawai Melayu yang kebanyakannya dari kerabat diraja. Perjawatan yang terbuka kepada orang-orang Melayu pada waktu itu ialah Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (MAS) yang lebih rendah taraf dan gajinya dari MCS. Walaupun pada mulanya kebanyakan pegawai-pegawai Melayu dalam MAS itu dipilih dari kerabat diraja, lama kelamaan pintu perkhidmatan itu terbuka juga kepada calon-calon dari golongan orang kebanyakan.⁴

Golongan kelas menengah Melayu sebelum merdeka mula wujud dalam sektor awam dan golongan pentadbir Melayu inilah yang menjadi lapisan perantaraan antara kelas raja dan kelas rakyat. Dalam sektor swasta dan profesion lain pada masa itu dimonopoli oleh bangsa asing terutamanya kaum Cina dan Inggeris. Orang Melayu jauh ketinggalan dalam bidang ini. Menurut Roff ianya adalah disebabkan polisi kerajaan jajahan British di Malaya yang sengaja mengekalkan orang Melayu dalam sektor pertanian dan tradisional.⁵ Maka tidak hairanlah jika hingga kini kelas menengah Melayu lebih ramai di sektor awam.

⁴ Syed Husin Ali, Orang Melayu: Masaalah Dan Masa Depan (Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi, 1979), m.s. 29-30.

⁵ William R. Roff, "The Malay Peninsula to 1874" artikel dalam In Search of South East Asia - A Modern History, diedit oleh David Joel Steinberg (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975), m.s. 323.

Walau bagaimanapun, semenjak kegagalan Kesatuan Malayan (Malayan Union), British mula menyedari kedudukan orang Melayu. Maka terkandung dalam Perjanjian Persekutuan 1948 bahawa Pesuruhjaya Tinggi British bertanggungjawab melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan-kepentingan yang sah bangsa-bangsa lain. Apabila Malaya mencapai kemerdekaan perkara tersebut dimuktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Perkara 153 yang menyatakan bahawa Yang Di Pertuan Agong bertanggungjawab melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan bangsa-bangsa yang lain. Yang Di Pertuan Agong (atas nasihat kerajaan) akan merezabkan sebahagian yang munasabah jawatan-jawatan dalam pentadbiran awam, biasiswa, kepentingan dan kedudahan pelajaran, dan permit atau lesen perniagaan dan perdagangan untuk orang-orang Melayu.⁶ Maka perkara 153 adalah peruntukan perundangan bagi kerajaan ke arah mewujudkan kelas menengah Melayu.

Semenjak mencapai kemerdekaan, kerajaan mula melancarkan rancangan-rancangan pembangunan bermula dengan Rancangan Malaya Pertama (1950-1955) diikuti oleh Rancangan Lima Tahun Pertama - Malaysia Barat (1956-1960) hinggalah kini Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Dalam rancangan-rancangan pembangunan awal, kerajaan banyak menumpukan perbelanjaan ke atas pembangunan infrastruktur dan pembangunan pertanian.⁷ Rancangan-rancangan ini telah menambah-

⁶R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, Politics and Government in Malaysia (Singapore: Federal Publications, 1978) m.s. 38-41.

⁷V.V. Bhanoji Rao, Malaysia Development Pattern and Policy 1941-1971 (Singapore: Singapore University Press, 1980).

kan mobiliti orang Melayu dan memperbaiki kedudukan sosio ekonomi masyarakat Melayu khususnya masyarakat luar bandar. Rancangan-rancangan pembangunan dan lain-lain polisi pentadbiran telah membantu ke arah memperbesarkan bilangan kelas menengah Melayu walaupun masih tertumpu kepada sektor awam.

Perubahan penumpuan ke sektor swasta atau moden bermula dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) dan perspektif jangka panjangnya dari tahun 1970 hingga 1990 yang mempunyai dua objektif utama iaitu membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dan perimbangan ekonomi.

Tujuan utama objektif kedua DEB adalah untuk menambah penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputra-bumiputra yang lain dalam kegiatan pembuatan dan perdagangan. Penyertaan yang dimaksudkan ialah dari segi hak milik pengurusan dan pekerjaan. Kerajaan telah menetapkan matlamat iaitu dalam tempoh dua puluh tahun sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam semua bidang dan peringkat harus mempunyai penyertaan orang-orang Melayu dan lain-lain rakyat bumiputra dari segi hak milik dan pengurusan. Tujuannya ialah untuk mewujudkan dalam tempoh masa yang tertentu, satu masyarakat perindustrian dan perdagangan Melayu yang maju dan dinamis, sejajar dan bersaing dengan orang-orang bukan melayu dalam sektor moden.⁸

Adalah jelas bahawa Dasar Ekonomi Baru menjadi dorongan

⁸Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 (Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan, 1971), m.s. 178.

JADUAL 1.1

SEMANJUNG MALAYSIA: GUNATENAGA MENGIKUT
PEKERJAAN DAN KAUM, 1970, 1975 DAN 1980
(000)

Pekerjaan	1970				
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Pekerja iktisas dan teknikal* (%)	64.2 (47.0)	54.0 (39.5)	14.8 (10.8)	3.7 (2.7)	136.7 (100.0)
Pekerja pentadbiran dan pengurusan (%)	7.4 (24.1)	19.3 (62.9)	2.4 (7.8)	1.6 (5.2)	30.7 (100.0)
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan (%)	50.4 (35.4)	65.4 (45.9)	24.5 (17.2)	2.2 (1.5)	142.5 (100.0)
Pekerja jualan dan yang berkaitan (%)	69.1 (26.7)	159.6 (61.7)	28.7 (11.1)	1.1 (0.4)	258.5 (100.0)
Pekerja perkhidmatan (%)	100.0 (44.3)	89.5 (39.6)	32.9 (14.6)	3.4 (1.5)	225.8 (100.0)
Pekerja pertanian (%)	920.5 (72.0)	221.3 (17.3)	123.7 (9.7)	13.2 (1.0)	1,278.7 (100.0)
Pekerja pengeluaran, pengangkutan dan lain-lain (%)	266.0 (34.2)	434.5 (55.9)	74.4 (9.6)	2.5 (0.3)	777.4 (100.0)
Jumlah (%)	1,477.6 (51.8)	1,043.6 (36.6)	301.4 (10.6)	27.7 (1.0)	2,850.3 (100.0)

Pekerjaan	1975				
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Pekerja iktisas dan teknikal (%)	91.1 (48.0)	73.4 (38.7)	20.8 (11.0)	4.4 (2.3)	189.7 (100.0)
Pekerja pentadbiran dan pengurusan (%)	11.6 (28.1)	24.3 (58.8)	3.0 (7.3)	2.4 (5.8)	41.3 (100.0)
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan (%)	88.5 (46.0)	78.6 (40.8)	23.1 (12.0)	2.4 (1.2)	192.6 (100.0)
Pekerja jualan dan yang berkaitan (%)	85.9 (24.8)	227.2 (65.7)	31.4 (9.3)	1.2 (0.3)	345.7 (100.0)
Pekerja perkhidmatan (%)	145.7 (46.8)	123.3 (39.6)	39.4 (12.6)	3.1 (1.0)	311.5 (100.0)
Pekerja pertanian (%)	998.1 (70.5)	257.8 (18.2)	147.6 (10.4)	12.6 (0.9)	1,416.1 (100.0)
Pekerja pengeluaran, pengangkutan dan lain-lain (%)	434.5 (40.6)	318.0 (48.4)	112.2 (10.5)	5.6 (0.5)	1,070.3 (100.0)
Jumlah (%)	1,855.4 (52.0)	1,302.6 (36.5)	377.5 (10.6)	31.7 (0.6)	3,567.2 (100.0)

Sambungan Jadual 1.1

Pekerjaan	1980				
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Pekerja iktisas dan teknikal (%)	118.2 (50.0)	87.1 (36.9)	26.9 (11.4)	4.0 (1.7)	236.2 (100.0)
Pekerja pentadbiran dan pengurusan (%)	16.2 (31.6)	29.2 (57.0)	3.1 (6.1)	2.7 (5.3)	51.2 (100.0)
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan (%)	169.4 (55.3)	110.8 (36.2)	21.0 (6.9)	5.3 (1.7)	306.5 (100.0)
Pekerja jualan dan yang berkaitan (%)	99.8 (23.1)	299.0 (69.2)	32.7 (7.6)	0.8 (0.2)	432.3 (100.0)
Pekerja perkhidmatan (%)	168.4 (47.9)	140.1 (39.9)	40.7 (11.6)	2.1 (0.6)	351.3 (100.0)
Pekerja pertanian (%)	998.9 (67.7)	289.9 (19.7)	175.4 (11.9)	10.6 (0.7)	1,474.8 (100.0)
Pekerja pengeluaran, pengangkutan dan lain-lain (%)	640.6 (45.4)	601.9 (42.6)	160.9 (11.4)	8.7 (0.6)	1,412.1 (100.0)
Jumlah (%)	2,211.5 (51.9)	1,558.0 (36.5)	460.7 (10.8)	34.2 (0.8)	4,264.4 (100.0)

* Kategori ini meliputi semua pekerja-pekerja iktisas dari peguam dan jurutera hinggalah kepada jururawat dan guru dalam sektor-sektor awam dan swasta.

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat 1981
Jadual 3-11, m.s. 65.

	1985						Jumlah	(-)	Jumlah	(-)
	Melayu	(%)	Cina	(%)	India	(%)				
Iktisad dan teknik ²	193.9	54.4	115.5	32.4	99.8	11.1	7.5	2.1	356.7	100.0
Guru dan jururawat	111.3	64.5	49.5	28.7	10.9	6.3	0.9	0.5	172.6	100.0
Pentadbiran dan pengurusan ³	17.5	28.2	40.9	66.0	3.1	5.0	0.5	0.8	62.0	100.0
Perkeranian ⁴	224.7	54.0	152.9	36.8	36.1	8.7	2.1	0.5	415.8	100.0
Jualan ⁵	216.3	37.9	324.1	56.8	30.0	5.2	0.5	0.1	570.9	100.0
Perkhidmatan ⁶	305.2	57.9	164.4	31.2	51.1	9.7	6.3	1.2	527.0	100.0
Pertanian ⁷	1,402.6	73.5	327.2	17.2	158.6	8.3	19.0	1.0	1,907.4	100.0
Pengeluaran ⁸	741.5	45.5	701.6	43.1	177.5	10.9	8.1	0.5	1,628.7	100.0
Jumlah	3,101.7	56.7	1,826.6	33.4	496.2	9.1	44.0	0.8	5,468.5	100.0

Nota:

¹ Pengkelasan pekerjaan adalah berdasarkan kepada Kamus Pengelasan Pekerjaan (D.O.C.), Kementerian Buruh, 1980.

² Termasuk pekerjaan-pekerjaan seperti arkitek, akauntan, juruaudit, jurutera, doktor, doktor pengigian, doktor pembedahan veterinar, jurukur, peguam dan termasuk juga guru dan jururawat. Bagi kaum Bumiputera sebahagian besar daripada bilangan mereka dalam kumpulan ini terdiri daripada guru dan jururawat, iaitu dianggarkan seramai 77,200 orang atau 60.8 peratus pada tahun 1980 dan 111,300 orang atau 64.5 peratus daripada jumlah dalam tahun 1985.

³ Termasuk pegawai devan undangan, pentadbir Kerajaan dan pengurus.

⁴ Termasuk penyelia perkeranian, pegawai eksekutif Kerajaan, jurutaip, penyimpan akaun, juruwang, operator telefon dan operator telegraf.

⁵ Termasuk pengurus (perdagangan borong dan runcit), penyelia jualan dan pembeli, jurujual teknik, jurujual kenderaan dan ejen pengilang.

⁶ Termasuk pengurus khidmat sajian dan lojing, pemilik bekerja, penyelia rumah dan perkhidmatan yang berkaitan, tukang masak dan pekerja-pekerja yang berkaitan.

⁷ Termasuk pengurus dan penyelia ladang, peladang dan petani, pekerja pertanian dan penternak, pekerja perhutanan, nelayan, pemburu dan pekerja-pekerja yang berkaitan.

⁸ Termasuk penyelia pengeluaran dan fomen am, pelombong, pekerja kurir, penggerudi telaga, pemandu kenderaan bermotor dan pekerja-pekerja yang berkaitan.

Sumber: Rancangan Malaysia Kelima 1986
Jadual 3-6, m.s. 120.

utama ke arah memperbesarkan lagi kelas menengah Melayu terutamanya dalam sektor moden. Perbandingan jumlah gunatenaga mengikut pekerjaan dan kumpulan ethnik dari tahun 1970 hingga 1985 menunjukkan pertambahan bilangan bumiputra dari segi kategori pekerjaan. Ini dapat dilihat dari Jadual 1 dan 2 yang terlampir.

Dari Jadual 1 dan 2 bilangan bumiputra dalam kumpulan ikhtisas dan teknik telah meningkat daripada kira-kira 64,200 orang dalam tahun 1970 kepada 91,000 orang pada tahun 1975 dan kepada 194,000 orang pada tahun 1985. Dalam kumpulan pentadbiran dan pengurusan bilangan bumiputra telah meningkat daripada 7,400 orang pada tahun 1970, kepada 11,600 orang pada tahun 1975 dan kepada kira-kira 17,500 pada tahun 1985. Begitu juga dalam kumpulan perkeranian bilangan bumiputra meningkat daripada kira-kira 50,400 orang pada tahun 1970 kepada 88,500 orang pada tahun 1975 dan kepada kira-kira 224,700 orang dalam tahun 1985. Pertambahan bilangan bumiputra dalam kumpulan-kumpulan pekerjaan yang tersebut membuktikan kejayaan rancangan-rancangan pembangunan kerajaan dan Dasar Ekonomi Baru khususnya ke arah memperbesarkan bilangan kelas menengah Melayu.

B. Objektif Kajian

Kelas menengah Melayu yang kini telah bertambah dan akan bertambah besar dimasa hadapan adalah satu kelas yang masih muda usianya. Walaupun demikian, golongan ini adalah golongan yang penting kerana mereka yang akan mewarisi pucuk pimpinan negara dan berpengaruh dalam masyarakat. Menurut ahli-ahli sosiologi, kelas menengah adalah golongan yang mengambil bahagian aktif dalam

politik dan orientasi-orientasi politik mereka adalah penting dalam menentukan corak pemerintahan dan pimpinan sesebuah masyarakat dan juga usaha-usaha pembangunan kerajaannya.

Adalah menjadi objektif kajian ini untuk:

- (i) menganalisa proses sosiolisasi politik yang telah dilalui oleh golongan kelas menengah Melayu. Apakah agen-agen utama sosiolisasi politik dan sejauh manakah keberkesanan agen-agen tersebut dalam membina orientasi politik golongan kelas menengah Melayu?
- (ii) mengetahui dan menganalisa corak budaya politik golongan kelas menengah Melayu. Adakah budaya politik mereka bercorak peserta, tertakluk atau sempit?

C. Kepentingan Kajian

Kajian mengenai kelas menengah Melayu masih terlalu sedikit bilangannya.⁹ Ini adalah agak menghairankan memandangkan topik kelas menengah adalah penting dan peranan mereka yang mustahak dalam masyarakat Melayu kini.

⁹Antara penulisan yang terdapat mengenai kelas menengah Melayu dan yang menyentuh serba sedikit ialah: Shamsuddin Ahmad, Cara Hidup Kelas Menengah Melayu - satu kes tentang pensyarah-pensyarah Melayu di Universiti Malaya (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1976); Nordin Selat, Kelas Menengah Pentadbir Melayu - satu kajian perkembangan gaya hidup (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1976); dan Mokhzani Abdul Rahim, The Study Of Social Stratification and Social Mobility in Malaya (Tokyo: Centre for East Asian Cultural Studies, 1965).

Kajian ini akan menganalisa kelas menengah Melayu dari aspek sosiopolitik dan budaya politik mereka. Penulis merasakan aspek-aspek ini penting dikaji dan diketahui kerana budaya politik kelas menengah boleh membawa kesan kepada pentadbiran dan polisi kerajaan, malah boleh juga menyebabkan perubahan-perubahan politik. Sejarah telah membuktikan bahawa kemunculan kelas menengah telah menyebabkan perubahan-perubahan mendadak dalam nilai-nilai ekonomi, sosial dan politik. Kelas menengah telah menjadi pembangkang utama kepada sistem ekonomi monopolistik feudal. Revolusi Perancis, Revolusi Jerman dan pergerakan anti-otoritarianisme Inggeris oleh usahawan-usahawan kelas menengah adalah peristiwa-peristiwa yang telah menyebabkan perubahan-perubahan drastik dalam sistem ekonomi. Golongan kelas menengah juga telah berjaya mendesak kerajaan membuat perubahan-perubahan perundangan untuk melindungi kepentingan-kepentingan mereka.¹⁰

Dennis Kavanagh pula menyatakan kepentingan mengkaji budaya politik rakyat atau golongan-golongan rakyat dalam masyarakat adalah penting kerana pertama, sikap rakyat atau golongan-golongan rakyat terhadap sistem politik dengan jelas membawa kesan terhadap jenis-jenis tuntutan yang dibuat, cara ianya dinyatakan, tindakbalas mereka dan sokongan mereka kepada kerajaan. Kedua, dengan memahami sifat dan bentuk perhubungan antara budaya politik dengan prestasi sistem, kerajaan dapat mengetahui apakah cara-cara menjalankan perubahan-perubahan politik yang progresif.¹¹

¹⁰ Encyclopedia of Social Sciences (New York: The Macmillan Company, 1933) Vol. 11, m.s. 407-415.

¹¹ Dennis Kavanagh, Political Culture (Essex: The Anchor Press Ltd., 1972).

Golongan kelas menengah bukan hanya telah memainkan peranan penting di negara-negara maju tetapi juga telah memainkan peranan aktif dan penting dalam negara-negara kurang maju (under-developed countries).

Edward Shils dalam kajiannya mengenai peranan intelek¹² dalam pembangunan politik menegaskan bahawa para intelektual orang yang memulakan pergerakan memperjuangkan hak kemerdekaan masyarakat dan negara mereka. Kejatuhan imej dan kemerosotan keyakinan kuasa-kuasa penjajah adalah hasil dari hujah-hujah dan desakan-desakan golongan intelek kepada rakyat. Kebangkitan semangat nasionalisma dan keyakinan diri rakyat adalah sebahagian besarnya hasil dari pimpinan dan usaha-usaha politik para intelek sekular dan agama. Malah boleh dikatakan para intelek telah bertanggungjawab membina kehidupan politik (political life) negara-negara kurang maju dan merekalah penggeraknya dan pemimpin-pemimpinnya.

Shils mendapati para intelek di negara-negara kurang maju kebanyakannya berasal dari kelas menengah dan tegas beliau ini membolehkan mereka berpolitik. Mereka tidak disekat oleh kebimbangan kehilangan jawatan atau lain-lain faedah kebendaan. Malah ramai para intelek dan graduan dari institusi-institusi tinggi dalam zaman kebangkitan nasionalisma tidak peduli untuk mencari kerja tetapi terus menceburkan diri dalam politik dan gerakan-gerakan anti-penjajah.

¹²Perlu dimaklumkan di sini bahawa penulis tidak membezakan antara intelektual dan inteligensia walaupun terdapat perbezaan antara keduanya. Penulis walau bagaimanapun mendapati dari pembacaan bahawa kebanyakan golongan intelek dan inteligensia adalah dari kelas menengah.

Menurut Shils, salah satu sebab utama kebangkitan politik para intelek di negara-negara kurang maju adalah kerana tiada orang lain yang akan berbuat demikian. Kerabat diraja dan golongan atasan semuanya berlindung di bawah naungan penjajah demi kepentingan kedudukan dan harta mereka. Tambahan pula kuasa ketenteraan di negara-negara kurang maju tidak mampu menentang kuasa ketenteraan penjajah setelah negara mereka ditawan. Para intelek dalam kebanyakan negara-negara baru (new states) kini masih terus menjadi pemimpin politik walaupun kedudukan mereka tidaklah segemilang seperti masa gerakan politik dan nasionalisma negara dikemuncaknya. Oleh yang demikian ramai para intelek di negara-negara baru kini tidak lagi mempunyai obligasi berpolitik secara langsung - kebanyakan mereka kini berpuas hati memainkan peranan politik secara tidak langsung dalam pembinaan kehidupan politik negara mereka.¹³

Peranan kelas menengah Melayu di negara ini juga tidak kurang pentingnya dalam gerakan menuntut kemerdekaan dan menolak penjajahan British. Penentang-penentang penjajahan British terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan mempercayai kemerdekaan dapat dicapai melalui cara revolusi sedangkan satu kumpulan lagi mempercayai kemerdekaan melalui proses berpelembagaan. Kumpulan pertama lebih dikenali sebagai kumpulan nasionalis radikal terdiri dari guru-guru agama yang menubuhkan madrasah-madrasah dan pondok di seluruh negara. Mereka bertanggungjawab memberi kesedaran dan menaikkan semangat orang Islam menentang penjajah. Juga, guru-

¹³Edward Shils, "The Intellectuals in The Political Development Of The New States," dalam Political Development and Social Change dieditkan oleh Jason L. Finkle dan Richard W. Gable, (New York: John Wiley and Sons Inc, 1971), m.s. 249-259.

guru, penulis dan wartawan keluaran Sultan Idris Training College (SITC) yang memulakan Pertubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) untuk mencapai kemerdekaan dalam lingkungan apa yang dikenali sebagai Melayu Raya. Kumpulan kedua dikenali sebagai kumpulan nasionalis 'moderate' yang terdiri kebanyakannya dari pegawai-pegawai kerajaan jajahan British yang berpelajaran Inggeris. Mereka pada mulanya tidak diterima oleh masyarakat Melayu dan terpisah dari masyarakat secara sosial. Mereka tidak dipercayai oleh rakyat dan dianggap tidak mewakili dan memperjuangkan aspirasi rakyat.¹⁴

Selepas perang dunia berikutan dengan hasrat British melaksanakan Kesatuan Malaya (Malayan Union) pada bulan Mac 1946, UMNO telah ditubuhkan. Pimpinan UMNO terdiri kebanyakannya dari pegawai-pegawai kerajaan dan mereka telah memainkan peranan yang besar dalam bidang politik. Apabila majlis undangan yang baru dibentuk berikutan dari Perjanjian Persekutuan 1948, pegawai-pegawai ini telah menyertai bilangan yang ramai dan berpengaruh. Dari jumlah 33 orang Melayu dalam majlis undangan itu, 25 orang adalah pegawai-pegawai perkhidmatan awam.¹⁵

Selepas kemerdekaan penglibatan pentadbir secara langsung dalam politik berakhir dan secara keseluruhannya golongan kelas menengah Melayu kebanyakannya tidak menceburkan diri secara langsung dalam politik dan berpolitik secara serius. Walaupun demikian

¹⁴Firdaus Hj. Abdullah, Radical Malay Politics - Its Origins and Early Development (Petaling Jaya: Penduduk Publications, 1985) m.s. 6-26.

¹⁵S. Husin Ali, Op. cit., m.s. 35.

golongan kelas menengah Melayu terus memainkan peranan penting sebagai 'watch-dog' masyarakat dan pengkritik kerajaan. Para guru pernah mengecam dasar bahasa dan pelajaran kerajaan yang telah meletakkan bahasa Malaysia dan pelajaran Melayu lebih rendah tarafnya dari bahasa dan pelajaran Inggeris. Ada juga sebilangan golongan kelas menengah yang memasuki UMNO dan bercita-cita mengubah UMNO dari dalam dan ada yang bersikap oportunis dan menganggap UMNO itulah satu-satunya jalan yang paling mudah untuk mencapai kejayaan hidup. Menurut S. Husin, desakan-desakan golongan menengah telah menjadi faktor penting membawa perubahan dalam UMNO.¹⁶

Adalah jelas golongan kelas menengah telah memainkan peranan penting dalam sosial, ekonomi dan politik sezaman dan kajian mengenai mereka akan menambahkan lagi pengetahuan untuk memahami peranan-peranan mereka.

D. Rangkakerja Teoritis

1. Konsep Kelas Menengah

Konsep kelas dan kelas menengah adalah konsep-konsep yang mengandungi kekaburan dan banyak definisi-definisi yang berlainan telah dibuat oleh ahli-ahli sosiologi. Kelas menurut T.B. Bottomore adalah pembahagian-pembahagian sosial yang nyata dalam masyarakat. Ianya adalah satu manifestasi ketidakseimbangan dalam dunia moden dan ianya juga adalah punca kepada ketidakseimbangan-ketidakseimbangan yang lain. Penguasaan ekonomi oleh satu-satu kelas selalunya menjadi asas kuasa politik. Oleh yang demikian, kelas sangat terlibat

¹⁶Ibid, m.s. 38-42.

dengan kebanyakan persoalan-persoalan penting politik moden dan polisi sosial.¹⁷

Secara umum kelas menengah bermakna susunlapis dalam struktur sosial yang dianggap perantaraan antara lapisan atasan dan lapisan bawahan. Lapisan pertengahan ini lebih ramai terdapat di bandar daripada di luar bandar. Mereka boleh dikatakan wujud tersendiri dan berbeda daripada lapisan atasan dan bawahan. Walaupun demikian garis perbezaan atau pemisah antara kelas-kelas umumnya tidak tepat dan bergantung kepada beberapa kriteria yang berlainan. Di antara kriteria yang lazim digunakan ialah pekerjaan. Dari segi ekonomi pun kedudukan mereka adalah diperantaraan. Pendapatan mereka sederhana, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah.

Menurut Karl Marx, kelas menengah adalah terdiri dari usahawan-usahawan kecil dan ahli-ahli profesional. Mereka adalah golongan perantaraan yang akan dihapuskan dalam negara-negara kapitalis. Kelas menengah adalah hasil dari pembangunan ekonomi yang menjelaskan lagi susunlapis sosial dalam masyarakat perindustrian moden dan ia memperkenalkan elemen-elemen penting dalam stratifikasi dan status sosial berdasarkan pekerjaan, cara hidup dan pola-pola perbelanjaan.¹⁸

Kelas menengah didefinisikan dalam Encyclopedia of the Social Sciences sebagai terdiri dari usahawan-usahawan saiz sederhana dalam industri dan perdagangan, pengeluar-pengeluar barangan seperti tukang-tukang yang mahir dan petani-petani, ahli-ahli perniagaan,

¹⁷T.B. Bottomore, Classes in Modern Society (New York: Pantheon Books, 1966), m.s. 8.

¹⁸Perbincangan dan kritik mengenai konsep kelas oleh Karl Marx didapati dalam Bottomore, op. cit.

pegawai dan kakitangan-kakitangan kerajaan yang digajikan. Juga termasuk dalam kelas menengah adalah mereka-mereka yang diklasifikasikan sebagai profesion bebas seperti doktor, peguam, penulis dan para artis.¹⁹

Bagi tujuan kajian ini penulis akan menggunakan beberapa kriteria untuk mengenal kelas menengah. Pertama, kriteria pekerjaan iaitu akan diambil kira pegawai dan kakitangan kerajaan dalam tingkatan A, B dan C dan juga ahli-ahli perniagaan sederhana dan kakitangan-kakitangan di sektor swasta sebagai mewakili kelas menengah. Kedua, kriteria pelajaran iaitu sekurang-kurangnya mereka mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/MCE). Ketiga, mereka mempunyai pendapatan sederhana iaitu sekurang-kurangnya \$500/- ringgit sebulan. Keempat, mereka tinggal dalam rumah yang selesa (sama ada menyewa atau rumah sendiri) dan menikmati kemudahan dan peralatan kehidupan moden seperti air, letrik, televisyen, perabut rumah, peti-sejuk, kereta dan lain-lain.

Kemungkinan definisi dan kriteria yang digunakan bagi mengenal kelas menengah nampak cenderung kepada ciri-ciri masyarakat bandar dan tidak sesuai bagi masyarakat luar bandar. Walau bagaimanapun adalah dirasakan kriteria-kriteria tersebut agak 'standard' untuk mengenalpasti kelas menengah. Kemungkinan juga definisi dan kriteria yang digunakan agak 'western-oriented'. Perlu dinyatakan bahawa istilah kelas menengah mula muncul dalam masyarakat barat hasil dari proses modenisasi. Begitu juga dengan kemunculan kelas menengah di negara-negara lain. Oleh yang demikian ciri-ciri kehidupan moden seperti peralatan dan kemudahan moden seperti di barat menjadi di

¹⁹Encyclopedia of The Social Sciences, Op. cit., m.s. 407.415.

antara kriteria mengenal kelas menengah.

2. Konsep Sosiolisasi Politik

Terdapat banyak definisi sosialisasi politik yang diberikan oleh ahli-ahli sosiologi. David O. Sears telah melakukan kajian ke atas definisi-definisi sosiolisasi politik dan beliau merumuskannya kepada dua kategori utama. Kategori pertama adalah definisi-definisi sosiolisasi politik yang merujuk kepada pembentukan seseorang kanak-kanak oleh masyarakat yang biasanya mengekalkan sesuatu keadaan masyarakat (status quo). Maka istilah-istilah seperti penanaman fahaman (indoctrination), penyampaian budaya, peradaban dan mewarisi norma-norma budaya lazim digunakan. Pilihan kedua definisi sosiolisasi politik merujuk kepada pembinaan tingkah peribadi seseorang kanak-kanak melalui mana seseorang itu secara beransur-ansur membentuk identiti peribadinya sendiri yang akan membolehkannya menyatakan pendapat dan mencari nilai-nilai hidupnya sendiri. Maka menurut definisi ini, sosiolisasi politik tidak semestinya mengenai pengekalannya 'status quo'.²⁰

Penulis berpendapat definisi sosiolisasi politik oleh David O. Sears adalah terlalu umum dan lebih menekankan tentang pembentukan peribadi seseorang samada mengekalkan norma-norma masyarakat atau sebaliknya.

Kenneth P. Langton pula telah mendefinisikan sosiolisasi politik sebagai cara-cara masyarakat menyampaikan budaya politik dari satu generasi ke generasi yang lain. Ianya adalah proses yang

²⁰David P. Sears, "Political Socialization" dalam Handbook of Political Science, Vol. 2: Micropolitical Theory dieditkan oleh Fred I. Greenstein dan Nelson W. Polsby (Reading, Mass: Adison - Wesley Publishing Co., 1975), m.s. 93-154.

melalui beberapa agensi dalam masyarakat dimana seseorang individu akan mempelajari tabiat-tabiati yang berkaitan politik.²¹

Bagi tujuan kajian ini penulis akan menggunakan definisi sosiolisasi politik yang diberikan oleh Dennis Kavanagh. Menurut beliau "Sosiolisasi politik adalah istilah yang digunakan untuk menerangkan proses dimana seseorang individu mempelajari dan membina orientasi-orientasi politik. Terdapat banyak agen-agen sosiolisasi politik antaranya ialah keluarga, sekolah, parti politik, sejarah, pengalaman-pengalaman politik, pekerjaan dan juga saranan politik oleh kerajaan."²²

Penulis bersetuju menggunakan definisi Dennis Kavanagh kerana berpendapat definisi beliau agak 'comprehensive' dan sesuai untuk kajian ini.

3. Konsep Budaya Politik

Definisi budaya politik yang diberikan dalam Encyclopedia of Social Sciences adalah sikap-sikap, kepercayaan dan sentimen-sentimen yang memberi ketertiban atau kerukunan dan erti kepada proses politik dan yang memberi andaian-andaian asas dan peraturan-peraturan yang menguasai tingkahlaku dalam sesebuah sistem politik. Budaya Politik adalah manifestasi dimensi-dimensi psikologi dan politik dalam bentuk kelompok (*aggregate*). Ianya adalah hasil sejarah sesebuah sistem politik dan sejarah kehidupan ahli-ahli sistem tersebut.²³

²¹Kenneth P. Langton, Political Socialization (London: Oxford University Press, 1969), m.s. 4.

²²Dennis Kavanagh, op. cit., m.s. 28.

²³International Encyclopedia of the Social Sciences (New York, The Macmillan Co. and The Free Press, 1968) Vol. II, m.s. 218.

Menurut Robert Dahl, budaya politik adalah faktor yang menerangkan berbagai corak tentangan politik. Elemen-elemen utama dalam budaya politik adalah:

- (i) Orientasi terhadap sistem politik - adakah mereka taat atau tidak.
- (ii) Orientasi terhadap tindakan kolektif - adakah mereka bekerjasama atau tidak.
- (iii) Orientasi terhadap orang lain - adakah mereka mempercayai orang lain atau tidak.
- (iv) Orientasi terhadap penyelesaian masalah - adakah mereka pragmatik atau rationalistik.²⁴

Konsep budaya politik menurut Lucian Pye menganggap setiap individu mesti mempunyai latar belakang sejarahnya sendiri dan akan menggabungkan ke dalam keperibadiannya pengetahuan dan perasaan mengenai politik masyarakatnya.²⁵ Dennis Kavanagh pula memberi definisi budaya politik yang agak sama seperti Pye tetapi lebih menyeluruh iaitu, budaya politik menurutnya adalah petunjuk-petunjuk keadaan emosi dan sikap rakyat dalam mana sesebuah sistem politik beroperasi. Ianya adalah corak-corak orientasi politik rakyat yang terkandung dalam setiap sistem politik.²⁶

²⁴Robert Dahl, Political Opposition in Western Democracies (New Haven: Yale University Press, 1966), m.s. 352-5.

²⁵Lucian W. Pye, "Introduction: Political Culture and Political Development," dalam Political Culture and Political Development, dieditkan oleh Lucian W. Pye dan Sidney Verba (Princeton: Princeton University Press, 1965), m.s. 7.

²⁶Dennis Kavanagh, op. cit., m.s. 10.

Bagi tujuan kajian ini penulis akan menggunakan definisi budaya politik oleh Almond dan Verba. Menurut mereka budaya politik sesebuah masyarakat atau negara adalah taburan corak-corak orientasi rakyat terhadap objek-objek politik. Orientasi bermaksud keadaan pemahaman terhadap objek-objek dan hubungannya. Orientasi, telah mereka bahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- (i) Orientasi Pengetahuan (*cognitive*) - iaitu pengetahuan dan kesedaran mengenai sistem politik, kerajaan, peranan-peranannya, individu-individu yang menjalankan peranan-peranan tersebut, input-input dan output-outputnya.
- (ii) Orientasi Perasaan (*Affective*) - iaitu pengaruh dan kecenderongan emosi dan perasaan terhadap sistem politik dan kerajaan.
- (iii) Orientasi Penilaian (*Evaluative*) - iaitu pandangan dan pendapat mengenai objek-objek politik berdasar kan kombinasi nilai, maklumat dan perasaan.

Objek-objek politik dimaksudkan sebagai bahagian-bahagian dalam sistem politik dan dibahagikan kepada tiga kelas iaitu:

- (i) Peranan atau struktur tertentu seperti badan perundangan, kehakiman dan eksekutif atau birokrasi-birokrasi.
- (ii) Peranan individu-individu yang berkuasa dan bertanggungjawab seperti Raja, Ahli Majlis Undangan dan para pentadbir.
- (iii) Polisi-polisi awam tertentu, keputusan-keputusan

dan perlaksanaannya.

Ketiga-tiga kelas objek-objek politik ini sebaliknya boleh dibahagikan secara luas kepada dua bahagian iaitu sama ada mereka terlibat dalam politik (proses input) atau terlibat dalam pentadbiran (proses output). 'Proses input' merujuk kepada permintaan atau desakan dari masyarakat kepada pemerintah atau kerajaan dan pengubahan permintaan kepada polisi. Sementara 'proses output' pula merujuk kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan polisi-polisi. Apa yang penting dalam pembahagian ini ialah kepada objek politik manakah orientasi individu-individu, bagaimana orientasi mereka terhadap objek-objek tersebut, dan samada objek-objek ini sentiasa terlibat dalam aliran 'keatas' dalam pembuatan polisi atau 'kebawah' dalam aliran pelaksanaan polisi.

Maka orientasi politik seseorang individu boleh dijelaskan melalui Jadual 1.1 berikut:

JADUAL 1.3

DIMENSI-DIMENSI ORIENTASI POLITIK

Orientasi	Sistem sebagai objek am	Objek-objek input	Objek-objek output	Diri sebagai objek
Pengetahuan	±	±	±	±
Perasaan	±	±	±	±
Penilaian	±	±	±	±

Sumber: Almond dan Verba, The Civic Culture
Jadual 1.1 m.s. 15.

Dari Jadual 1.1 kita dapat mengetahui orientasi politik individu jika kita menyelidiki perkara-perkara berikut:

- (i) Apa pengetahuannya mengenai negaranya, sistem politiknya secara umum, sejarahnya, ciri perlembagaannya dan lain-lain? Apakah perasaannya terhadap perkara-perkara tersebut dan apakah pendapatnya mengenai struktur-struktur tersebut, pemimpin-pemimpinnya dan polisi-polisi kerajaan?
- (ii) Apakah pengetahuannya mengenai struktur-struktur tertentu dan peranan-peranannya, elit-elit politik yang ada, dan cadangan-cadangan polisi yang terlibat dalam 'proses input'? Apakah pendapatnya mengenai mereka?
- (iii) Apakah pengetahuannya mengenai aliran kebawah penguatan kuasa polisi, struktur-struktur, individu-individu dan keputusan-keputusan yang terlibat dalam proses ini? Apakah perasaan dan pendapatnya mengenai mereka?
- (iv) Bagaimana dia melihat dirinya sebagai sebahagian dari sistem politik negaranya? Apakah pengetahuannya mengenai hak-haknya, kuasa dan strategi-strategi untuk mempengaruhi (keputusan kerajaan dan lain-lain), dan apakah pandangannya positif atau negatif terhadap objek-objek politik tersebut akan dapat menentukan jenis budaya politik iaitu budaya politik peserta, tertakluk atau sempit. Walaupun demikian menurut Almond dan Verba, budaya politik sesebuah masyarakat adalah percampuran antara ketiga-tiga jenis budaya politik yang boleh dikenali sebagai:


- (i) budaya politik sempit - tertakluk
- (ii) budaya politik tertakluk - peserta dan
- (iii) budaya politik sempit - peserta.²⁷

4. Model Untuk Kajian

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas secara keseluruhan mengenai kajian ini dan untuk melihat hubungan antara kedua-dua aspek yang dikaji iaitu sosialisasi politik dan budaya politik, maka model berikut adalah dirasakan perlu.

RAJAH 1.1

MODEL KAJIAN



²⁷ Almond dan Verba, op. cit., m.s. 22 -

Individu-individu akan dikaji aspek sosialisasi politik mereka melalui agen-agen utama iaitu keluarga, sekolah dan pekerjaan. Agen-agen ini bertanggungjawab kearah pembinaan orientasi-orientasi politik individu yang terbahagi kepada tiga dimensi iaitu orientasi pengetahuan, perasaan dan penilaian terhadap objek-objek politik. Terdapat empat jenis objek-objek politik iaitu struktur, objek-objek input, objek-objek output dan diri sebagai 'political actor.'

Jenis budaya politik dapat diketahui berdasarkan kekerapan orientasi-orientasi pengetahuan, perasaan dan penilaian rakyat terhadap objek-objek politik tersebut. Jenis-jenis budaya politik dibahagikan oleh Almond dan Verba kepada tiga jenis iaitu budaya politik peserta, budaya politik tertakluk dan budaya politik sempit.

JADUAL 1.4

JENIS-JENIS BUDAYA POLITIK

	Sistem sebagai Objek am	Objek-objek input	Objek-objek output	Diri sebagai Peserta aktif
Sempit	0	0	0	0
Tertakluk	1	0	1	0
Peserta	1	1	1	1

Sumber: Almond dan Verba, The Civic Culture
Jadual 1.2 m.s. 16.

Dari jadual di atas, budaya politik sempit adalah apabila kekerapan orientasi terhadap keempat-empat jenis objek-objek politik menghampiri kosong. Ini bermakna individu-individu tidak ambil peduli mengenai sistem yang ada dan mereka tidak mengharapkan apa-apa daripada sistem politik.

Budaya politik tertakluk **adalah** apabila terdapat kekerapan orientasi politik yang tinggi terhadap sistem dan objek-objek 'Output,' tetapi orientasi mereka terhadap objek input dan diri sebagai peserta aktif adalah rendah dan menghampiri kosong. Ini bermakna hubungan individu dengan sistem **adalah** pasif dan menurut.

Budaya politik peserta **adalah** apabila terdapat kekerapan orientasi politik individu-individu **adalah** tinggi terhadap keempat-empat jenis objek politik. Orientasi mereka boleh jadi menyokong atau sebaliknya terhadap objek-objek politik. Mereka cenderung ke arah peranan 'activist', walaupun perasaan dan nilainya mungkin menyokong atau menentang sistem secara am.²⁸

E. Kaedah Kajian

1. Soalselidik

Alat utama kajian ini ialah soalselidik yang mengandungi 82 soalan berbentuk aneka pilihan. Soalselidik dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian pertama mengandungi soalan-soalan berkenaan latarbelakang responden, buti-butir diri seperti kelulusan tertinggi yang diperolehi, pendapatan masa kini, umur dan keahlian dalam mana-mana pertubuhan atau kelab. Bahagian ini juga mengandungi soalan-soalan mengenai gaya hidup mereka seperti jenis kediaman, penggunaan kad kredit, percutian dalam dan luar negeri, hiburan yang digemari, dan perkakas rumah dan kereta yang mereka miliki.

Bahagian kedua soalselidik **adalah** bahagian sosiolisasi politik berkenaan agen keluarga. Soalan-soalan dalam bahagian ini

²⁸Almond dan Verba, op. cit., m.s. 13-18.

adalah berkenaan keadaan disiplin keluarga, pendedahan politik dalam keluarga dan pengaruh keluarga terhadap sikap dan pilihan parti politik responden.

Bahagian ketiga adalah berkenaan agen sekolah dan institusi pengajian tinggi. Soalan-soalan adalah berkenaan disiplin sekolah, penyertaan responden dalam aktiviti sekolah dan institusi pengajian tinggi, pendedahan kepada pengetahuan politik di sekolah dan institusi dan juga berkenaan pengaruh guru dan pengalaman di institusi.

Bahagian keempat adalah berkenaan agen tempat kerja. Soalan-soalan bahagian ini adalah mengenai peranan mereka dalam pembuatan keputusan, pendedahan pengetahuan dan perbincangan politik dengan rakan sekerja dan juga pengaruh pertubuhan-pertubuhan profesional yang mereka anggotai.

Bahagian kelima soalselidik adalah berkenaan budaya politik. Soalan-soalan dalam bahagian ini adalah mengenai minat mereka berkenaan hal-ehwal awam dan politik, perasaan dan pandangan mereka tentang sistem politik, polisi-polisi kerajaan dan penilaian mereka terhadap Kerajaan amnya.

2. Persempelan

Sebanyak 300 naskah soalselidik telah diedarkan dan seramai 150 orang responden diperolehi. Balasan 50% yang diperolehi ini dianggap agak memuaskan. Persempelan dilakukan secara 'purposive' iaitu soalselidik diedarkan ke jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun. Antaranya ialah Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Lembaga Letrik Negara (LLN), Telekom, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sekolah-sekolah menengah di sekitar Wilayah Persekutuan dan Petronas.

Soalselidik juga diedarkan ke sektor swasta untuk mendapatkan responden dari sektor swasta sekurang-kurangnya 25%. Soalselidik diedarkan kepada institusi-institusi bank, syarikat-syarikat swasta dan klinik swasta. Kesemua soalselidik dihantar sendiri dengan tangan dan dikutip juga sendiri untuk memastikan balasan.

3. Temuramah

Selain dari soalselidik, temuramah juga telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan-pandangan tambahan. Penulis menggunakan beberapa soalan utama sebagai panduan dan menambah soalan-soalan sampingan bersesuaian dengan keadaan dan reaksi responden. Seramai lima belas orang telah sudi ditemuramah sama ada di pejabat mereka atau di rumah mereka.

4. Kawasan Geografi

Kawasan geografi yang dipilih untuk kajian ini ialah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Lokasi ini dipilih kerana penulis berpendapat kelas menengah Melayu di sini adalah lebih pelbagai (diversified) dari tempat-tempat lain disamping dapat menjimatkan kos, masa dan memudahkan perjalanan kajian.

5. Hipotesis

Maklumat-maklumat dari soalselidik dan temuramah adalah juga untuk menguji beberapa hipotesis kajian iaitu:

- (i) Pelajaran adalah agen sosialisasi politik yang lebih berkesan dan berpengaruh dari keluarga.

- (ii) kelas menengah Melayu mempunyai budaya politik peserta.
- (iii) kelas menengah Melayu adalah golongan yang aktif menyertai dan menjadi ahli persatuan-persatuan.

6. Analisa Data

Kesemua soalselidik yang diterima disemak untuk menentukan kelengkapannya. Soalselidik yang tidak lengkap dengan ketara terpaksa ditolak. Penganalisaan data-data telah dilakukan dengan menggunakan 'Statistical Analysis Package' - IBM.

Program taburan ulangan telah dibuat untuk mendapatkan taburan sampel berkenaan umur, jantina, pendidikan, pendapatan, kediaman dan lain-lain mengenai diri penjawab secara keseluruhan.

Program 'crosstabs' pula telah digunakan untuk mengetahui hubungan antara angkubah-angkubah diri responden dengan angkubah-angkubah ciri-ciri agen keluarga, sekolah dan institusi pengajian tinggi dan tempat kerja. 'Crosstabs' juga telah digunakan untuk mengetahui hubungan di antara ciri-ciri agen sosialisasi politik dengan ciri-ciri budaya politik. Ujian 'chi-square' akan diaplikasikan untuk mengetahui sama ada 'significant' atau tidak hubungan antara angkubah-angkubah dan kontigensi koefisien akan digunakan untuk mengetahui kekuatan hubungan.

F. Halangan Kajian

Penulis ingin menegaskan bahawa bilangan responden yang diperolehi tidak boleh dianggap mewakili keseluruhan kelas menengah Melayu di negara ini. Oleh kerana kajian dijalankan hanya di

sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya maka tidaklah juga bermakna ianya mewakili golongan kelas menengah Melayu di kawasan-kawasan lain.

Alat utama untuk mendapatkan data dan maklumat kajian ini adalah soalselidik yang terdiri dari soalan-soalan berbentuk aneka pilihan dimana pilihan jawapan-jawapan telah disediakan. Kelemahan bentuk soalselidik ini adalah seolah-olah memaksa penjawab membuat pilihan. Walau bagaimanapun alternatif-alternatif jawapan yang memenuhi semua kehendak cuba disediakan. Penulis memilih bentuk soalselidik bentuk ini kerana ianya lebih senang diterima oleh penjawab dan mudah dilengkapkan.

Jumlah responden bagi kajian ini juga adalah lebih ramai dari sektor kerajaan iaitu 75% dari jumlah keseluruhan. Ini boleh dianggap sebagai 'bias' tetapi penulis merasakan 'bias' ini tidak mencacatkan kajian ini kerana hingga kini tidak dinafikan bahawa kelas menengah Melayu lebih ramai di sektor awam.

Akhirnya penulis berharap kajian ini akan dapat memberi serba sedikit sumbangan kepada mereka-mereka yang ingin mengkaji kelas menengah Melayu dengan lebih lanjut dan ianya menjadi titik permulaan kajian ke atas sosiolisasi dan budaya politik kelas menengah.

G. Organisasi Kajian

Bab kedua akan membincangkan latarbelakang keluarga, pelajaran dan pekerjaan responden. Ciri-ciri gaya hidup mereka juga akan dibentangkan dan kesimpulan-kesimpulan akan dirumuskan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh.

Bab ketiga akan menganalisa agen sosialisasi politik pertama iaitu keluarga. Bab ini akan cuba menganalisa sejauhmana pengaruh keluarga terhadap sikap politik dan terhadap pilihan parti politik individu. Penemuan-penemuan mengenai agen keluarga dalam aspek pembinaan orientasi politik akan dibincangkan dan dimana sesuai akan dibandingkan dengan penemuan-penemuan oleh pengkaji sosialisasi politik.

Bab keempat akan menganalisa agen sosialisasi politik sekolah dan institusi pengajian tinggi. Bab ini akan membincangkan pendedahan politik dan sejauhmanakah pengaruhnya berbanding dengan agen keluarga terhadap sikap politik individu.

Bab kelima akan menganalisa agen sosialisasi politik tempat kerja. Bab ini cuba mengetahui sejauhmanakah pengaruh suasana tempat kerja dan rakan sekerja terhadap sikap politik individu. Bab ini akan membuat rumusan dan perbandingan kekesanan pengaruh ketiga-tiga agen.

Bab keenam akan menganalisa aspek budaya politik kelas menengah Melayu. Bab ini akan membincangkan dimensi-dimensi orientasi politik mereka terhadap objek-objek politik. Hasil dari analisa tersebut akan cuba merumuskan jenis budaya politik kelas menengah Melayu.

Bab yang terakhir adalah bab ringkasan dan kesimpulan. Bab ini akan menerangkan seluruh kajian yang telah dijalankan secara ringkas dan keputusan-keputusan yang penting dari analisa data-data yang telah dijalankan. Penemuan-penemuan akan dibentangkan secara keseluruhan untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai aspek-aspek yang dikaji.